

16/11/2001

MCA mesti segerakan usaha damai

PERGESERAN di antara Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, jelas makin ketara. Daripada gelagat keduanya serta rombongan masing-masing yang tidak bertegur sapa ketika menghadiri majlis rumah terbuka Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, sempena Deepavali kelmarin, sesiapa saja yang menyaksikannya boleh membuat rumusan sendiri tanpa penafian pemimpin terbabit dapat menyembunyikannya. Sekalipun ia tidak dirancang sedemikian rupa, reaksi spontan masing-masing menyerlahkan pergolakan dalaman MCA adalah sesuatu yang nyata. Lebih lama ia dibiarkan berlarutan, lebih sukarlah jalan penyelesaiannya yang akhirnya tidak akan menguntungkan MCA sendiri mahupun Barisan Nasional (BN).

Keyakinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa MCA mampu menyelesaikan pergolakan dalamannya seharusnya dijadikan titik mula. Pemimpin MCA, yang disifatkan Perdana Menteri sebagai tokoh berpendirian rasional, seharusnya tidak melengahkan sebarang usaha berdamai. Andainya diakui bahawa amat penting untuk MCA terus menjadi satu parti yang kuat dan utuh dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap BN, apa juga perselisihan harus diatasi bersama. Di sebalik keyakinan Dr Ling sendiri bahawa perselisihan itu dapat diselesaikan, ia tidak akan mempermudah keadaan jika Ah Lek dan penyokongnya mempunyai pendirian berlawanan. Apa yang pasti, gelagat mereka akan terus menjadi tontonan tanpa dapat mengelakkan orang ramai daripada membuat kesimpulan.

(END)